



**KOLEJ
FELCRA**

TUGASAN

MEMAHAMI TINGKAH LAKU KANAK-KANAK

(AK1313)

KEMASUKAN NOVEMBER 2018

ARAHAN KEPADA PELAJAR

1. Tugas ini mengandungi **TIGA (3)** soalan tuagasan sahaja yang disediakan dalam bahasa Melayu. Jawab dalam **bahasa Melayu**.
2. Tugas anda hendaklah ditaip dengan menggunakan saiz fon 12 Times New Roman dan langkau baris 1.5.
3. Tugas anda hendaklah tidak melebihi 13 halaman bercetak dan tidak kurang daripada 10 halaman bercetak tidak termasuk muka depan.
4. Anda dikehendaki menghantar tugas **SECARA BERSEMUKA** kepada pensyarah anda.
5. Tugas anda hendaklah diserahkan sebelum atau pada **MINGGU 6** sebelum jam 5 petang. Serahan **selepas itu**, **TIDAK** akan diterima.
6. Tugas hendaklah disiapkan secara individu. Anda dilarang meniru tugas orang lain. Anda juga dilarang sama sekali memplagiat kerja orang lain sebagai kerja sendiri.

SOALAN TUGASAN TUGASAN 1

- Setiap pasangan pelajar lakukan pemerhatian terhadap tingkah laku social masyarakat/ subjek yang ada di persekitaran yang telah anda pilih. Subjek tersebut mungkin terdiri daripada rakan sebilik sekuliah, atau sesiapa sahaja dirasakan menarik perhatian anda untuk dijalankan subjek pemerhatian.
- Buat pemerhatian antara 15 hingga 1 jam. Catat/ rakam (tanpa disedari) apa sahaja yang dapat anda perhatikan, kemudian anda dikehendaki, kemudian anda dikehendaki mengulas dan membuat catatan seperti laporan ringkas semua pemerhatian dan menjawab soalan-soalan berikut:
 1. **Berapa lamakah anda memerhatikan tingkah laku subjek? (sama ada individu atau kelompok)**
 2. **Apakah tingkah laku yang anda perhatikan tersebut?**
 3. **Apakah yang menyebabkan anda tertarik untuk memerhatikan tingkahlaku subjek tersebut.**
 4. **Apakah yang dapat anda huraikan terhadap tingkahlaku subjek tersebut? Berikan hujah-hujah yang berkaitan tingkah laku yang telah anda pelajari dalam kursus ini.**
 5. **Apakah subjek tersebut menyedari bahawa diri beliau/ mereka di perhatikan dan apakah yang berlaku selepas itu.**

SOALAN TUGASAN TUGASAN 2

- Secara berpasangan, buat satu sesi temubual (sama ada rasmi/ tidak rasmi) bersama salah seorang responden yang telah Berjaya mengubah tingkah laku/ tabiat yang ingin beliau/ mereka ubah.

- Garis panduan soalan temubual antaranya adalah seperti berikut:
 1. Ceritakan bagaimana keadaan responden sebelum berubah
 2. Apakah factor-faktor yang mendorong responden mengubah tingkah laku/ sikap beliau? (sekiranya berlaku apa-apa insiden atau pencetus kepada perubahan tingkah laku tersebut jelaskan)
 3. Apakah langkah pertama yang diambil dalam memulakan intervensi/ pengurusan tingkah laku, nyatakan keseluruhan prosesnya.
 4. Apakah cabaran dan halangan untuk mengubah tingkah laku tersebut dan bagaimana responden mengatasinya.
 5. Apakah nasihat yang ingin diberikan oleh responden secara umumnya.

- Fomat ilmiah temubual adalah seperti berikut:
 1. Muka hadapan mengikut fomat yang telah diberikan
 2. Pengenalan & latar belakang tugas (perihal tugas, mengapa memilih tugas ini dan sebagainya)
 3. Huraian berkenaan temubual
 4. Kesimpulan dan cadangan
 5. Senarai rujukan ilmiah yang dirujuk sepanjang menyiapkan ilmiah ini.

- Tarikh hantar : minggu yang ke enam
- Jumlah muka surat : 10 muka surat
- Markah : 15 markah

SOALAN TUGASAN TUGASAN 3

Secara berkumpulan dikehendaki membuat mini kajian berkenaan satu daripada kategori masalah tingkah laku (boleh daripada tingkah laku kanak-kanak atau orang dewasa). Dalam 10-15 muka surat, huraikan hasil pemerhatian kumpulan anda dan pengalaman yang diperolehi sepanjang menyiapkan tugas ini. Komponen-komponen yang perlu ada dalam laporan adalah seperti berikut.

1. Abstrak- seperenggan pernyataan yang merupakan rumusan daripada keseluruhan laporan kajian
2. Pengenalan- huraikan masalah tingkah laku yang telah dipilih oleh kumpulan masing-masing dan mengapa anda berminat untuk membuat kajian berkenaan masalah tersebut.
3. Kaedah kajian- kaedah yang dipilih untuk menjalankan kajian tersebut, (contoh : edaran borang kaji selidik, pemerhatian, kajian perpustakaan, temubual dan sebagainya)
4. Responden kajian- sasaran peserta yang terlibat dalam proses kajian tersebut (contoh : kanak-kanak, remaja pelajar kolej FELCRA , orang awam dan sebagainya)
5. Hasil kajian – huraikan reaksi responden terhadap masalah/ tingkah laku yang dijadikan subjek kajian)
6. Perbincangan – huraian tentang keseluruhan proses kajian dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, merangkumi kelebihan dan kekurangan kajian, punca-punca masalah tingkah laku tersebut dilakukan, masalah-masalah yang dihadapi sepanjang menjalankan kajian dan cadangan yang kumpulan anda cuba bentangkan tentang masalah tingkah laku tersebut. Juga boleh masukkan sumbangan kajian tersebut kepada kumpulan khasnya dan masyarakat amnya.
7. Kesimpulan dan penutup – kesimpulan tentang keseluruhan tugas memandangkan ini merupakan tugas ilmiah, setiap kumpulan dikehendaki menyiapkan tugas mengikut format penulisan ilmiah yang telah diiktiraf oleh pensyarah.

Pastikan semua ahli kumpulan memberikan kerjasama dan memainkan peranan masing-masing dalam menyiapkan tugas ini. Sekiranya terdapat ahli kumpulan yang enggan memberikan kerjasama, ahli kumpulan yang lain hendaklah memaklumkan kepada pensyarah agar bertindak sewajarnya akan diambil.

Buat lampiran dan mesti ada :

- a) Masukkan gambar - letak 6 keping sahaja satu page
- b) Semua minit mesyuarat dan resit-resit perbelanjaan serta surat-surat
- c) Letakkan VCD (ada softcopy laporan penuh, gambar dan video)

PERINGATAN!!!

SILA SIMPAN SEGALA TUGASAN

YANG AND

A BUAT DALAM EMAIL KERANA

IA LEBIH SELAMAT!

TIADAK AKAN ADA ISU LAPTOP

ANDA BERMASALAH DAN

SEBAGAINYA.

SEKIRANYA TIDAK BERBUAT

DEMIKIAN DAN BERLAKU

MASALAH, ANDA AKAN

DIGAGALKAN SUBJEK INI!!